

**PENGGUNAAN STRATEGI PEMBELAJARAN ATURAN KENDIRI  
KEMAHIRAN BERTUTUR BAHASA ARAB DALAM KALANGAN PELAJAR  
MELAYU DI PUSAT ASASI UIAM  
(PRACTISE OF SELF REGULATED LEARNING STRATEGIES IN  
ARABIC SPEAKING SKILL: A STUDY ON MALAY STUDENTS  
AT CENTRE FOR FOUNDATION STUDIES (CFS), IIUM)**

**Mastura Arshad  
Kaseh Abu Bakar**

**Pusat Asasi Universiti Islam Antarabangsa Malaysia  
Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia**

**Abstrak**

Kemahiran bertutur bahasa Arab sering dikaitkan dengan penggunaan strategi pembelajaran yang pelbagai dan berkesan. Salah satu strategi pembelajaran bahasa Arab ialah strategi pembelajaran aturan sendiri. Berdasarkan keputusan Ujian Kemahiran Bahasa (*APT Skills Test*) di Pusat Asasi UIAM, majoriti pelajar tidak berjaya melepasi tahap 6 (*band 6*) dalam Ujian *maharat al-kalam* (kemahiran bertutur). Prestasi sebegini mungkin terjadi kerana mereka tidak menggunakan strategi pembelajaran aturan sendiri secara efektif. Oleh itu, kajian ini meninjau penggunaan dan pengetahuan pelajar tentang strategi pembelajaran aturan sendiri kemahiran bertutur bahasa Arab dalam kalangan pelajar Melayu di Pusat Asasi UIAM. Kajian ini melibatkan 163 orang pelajar jurusan Bahasa Arab (BAR) dan Ilmu Wahyu (IRK) yang dipilih melalui kaedah persampelan rawak berkelompok. Soal selidik telah digunakan sebagai instrumen kajian. Data kajian telah dianalisis secara deskriptif menggunakan median, frekuensi, peratus, dan sisihan piawai. Dapatan kajian menunjukkan strategi yang memperoleh penggunaan tertinggi merupakan strategi-strategi sendiri bersifat keagamaan (metafizik), manakala strategi sendiri yang memperoleh penggunaan terendah pula merupakan strategi sendiri yang melibatkan aktiviti komunikasi bahasa Arab secara aktif. Selain itu, kajian ini juga mendapati lebih daripada 50% pelajar tidak mengetahui strategi-strategi pembelajaran aturan sendiri.

**Kata kunci:**

strategi pembelajaran aturan sendiri; kemahiran bertutur bahasa Arab

**Abstract**

Foreign language speaking skill is often associated with the use of variety and effective learning strategies. One of the strategies is Self-regulated learning strategies. Based on the result of Speaking Test in APT Skills Test, majority of students failed to achieve band 6 for Arabic Speaking Test. Such performance may occur due to the lack of practicing the self-regulated learning strategies in Arabic speaking skill learning strategies. Therefore, this research surveyed the practice and knowledge of Self-regulated learning strategies in Arabic Speaking Skill among Malay students at the Centre for Foundation Studies (CFS) IIUM. This research involved 163 respondents taking B.A.R. and I.R.K. courses, using the Cluster Sampling Method. A Questionnaire was used to collect data for this study. The data were analyzed through descriptive analysis using median, frequencies, percent and standard deviation. The findings showed that the most practiced strategies was religious strategies (Metaphysics), while the lowest score was strategies that involves actively communication in Arabic. In addition to that,

the study also found that more than 50% of the students were not aware of self-regulated learning strategies in Arabic speaking skill.

**Keywords:** Self-regulated learning strategies; Arabic speaking skill.

## PENDAHULUAN

Kemahiran bertutur bahasa Arab sering dikaitkan dengan penggunaan strategi pembelajaran yang banyak, pelbagai dan berkesan (Sueraya et al., 2010). Al-Alwan (2008) menyatakan bahawa salah satu petunjuk utama kejayaan ialah penggunaan strategi pembelajaran aturan sendiri. Pembelajaran aturan sendiri ialah satu proses pembelajaran yang berasaskan pelajar. Kebanyakan ahli teori pengaturan sendiri berpendapat bahawa pembelajaran merupakan satu proses pelbagai dimensi yang melibatkan komponen peribadi sama ada kognitif atau emosi, tingkah laku, dan kontekstual (Zimmerman, 1989). Pelajar sendiri yang akan mengaktifkan dan mengekalkan aspek kognitif, kelakuan, dan afektif secara sistematik dengan tujuan untuk mencapai matlamat pembelajaran mereka (Brophy, 1998; Pintrich dan Schunk, 1996).

Pembelajaran aturan sendiri bukan satu keupayaan mental atau prestasi pelajar tetapi merupakan satu proses arahan sendiri yang memandu keupayaan mental pelajar untuk berfungsi dalam melakukan tugas. Menurut Pintrich dan De Groot (1990), strategi pembelajaran aturan sendiri merupakan satu proses yang aktif dan konstruktif untuk mengawal kognitif, metakognitif, motivasi, tingkah laku, dan sesuatu yang berkaitan dengan pengurusan sumber dan persekitaran kajian.

Oleh kerana strategi pembelajaran sendiri merupakan pendekatan yang membolehkan pelajar memperoleh pengetahuan dan kemahiran secara berdikari, seseorang pelajar haruslah bersikap autonomi dan proaktif dalam proses pembelajaran. Mereka tidak seharusnya menunggu ransangan guru dalam pembelajarannya, malah hendaklah mencari peluang untuk belajar secara berdikari. Penggunaan strategi pembelajaran sendiri didapati memberikan beberapa kelebihan kepada pelajar seperti mendorong kepada pencapaian yang tinggi dalam akademik (al-Alwan 2008). Selain itu, kurikulum yang disusun dengan tujuan meningkatkan tahap pembelajaran sendiri juga menghasilkan pencapaian pelajar yang tinggi (Bail, Zhang dan Tachiyama, 2008; Zimmerman dan Martinez-Pons, 2004).

Tinjauan kajian lepas mendapati, terdapat beberapa kajian terhadap beberapa komponen pembelajaran sendiri seperti motivasi (Kaseh dan Zainuddin, 2009), sikap pelajar (Ghazali Yusri et al., 2010), motivasi dan kebimbangan ujian (Ghazali Yusri et al., 2010), kesan perbezaan bentuk kursus terhadap penggunaan strategi pembelajaran sendiri (Ghazali Yusri dan Nik Mohd. Rahimi, 2010).

Dalam konteks kemahiran bertutur bahasa Arab pula, beberapa kajian telah dilakukan tentang kelemahan pelajar dalam menguasai kemahiran bertutur bahasa Arab, khususnya pelajar Institut Pengajian Tinggi Awam (Anida, 2003; Siti Ikbal, 2006; Abd. Halim, 2009; Sueraya et al., 2010). Kajian strategi pembelajaran kemahiran bertutur bahasa Arab terbahagi kepada strategi dalam kelas, strategi penggunaan media, strategi penyertaan dalam aktiviti kokurikulum, dan strategi bertutur bersama rakan (Sueraya et al., 2010). Selain itu, terdapat kajian yang mengkaji penggunaan strategi belajar bersama rakan dalam konteks kemahiran lisan (Ghazali Yusri et al., 2012).

Berdasarkan tinjauan kajian lepas, didapati belum ada kajian yang mengkaji penggunaan strategi pembelajaran aturan sendiri dalam meningkatkan kemahiran bertutur, serta kajian yang mengkaji pengetahuan pelajar terhadap strategi pembelajaran aturan sendiri. Oleh itu, kajian ini cuba mengkaji penggunaan dan pengetahuan pelajar tentang strategi pembelajaran aturan sendiri kemahiran bertutur bahasa Arab.

## **PERNYATAAN MASALAH**

Sebahagian besar pelajar IPTA khususnya dalam aliran pendidikan Islam masih belum mampu menguasai kemahiran bertutur walaupun telah dapat pendedahan yang luas dalam bahasa Arab sejak berada di sekolah menengah. Menurut Naimah dan Aini (2005), walaupun para pelajar bahasa ketiga menerima pembelajaran secara formal pada peringkat sekolah, namun mereka masih lagi menghadapi masalah untuk berkomunikasi dalam bahasa Arab yang dipelajari. Ab. Halim (2007) dan Sueraya et al. (2010) turut menyatakan bahawa penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar lepasan IPTA yang mengambil pengkhususan bahasa Arab tidak mencapai tahap kecekapan berbahasa yang baik.

Di Pusat Asasi UIAM, keputusan Ujian Kemahiran Bahasa (*APT Skills Test*) mendapati majoriti pelajar tidak berjaya melepasi tahap 6 (*band 6*) dalam Ujian *maharat al-kalam* (kemahiran bertutur). Justeru, adalah perlu untuk mengkaji penggunaan strategi pembelajaran bahasa (SPB) kemahiran bertutur bahasa Arab dalam kalangan mereka. Prestasi sebegini mungkin terjadi kerana mereka tidak menggunakan strategi pembelajaran aturan sendiri secara pelbagai dan berkesan. Oleh itu, kajian ini cuba meninjau penggunaan dan pengetahuan pelajar tentang strategi pembelajaran aturan sendiri.

## **PERSOALAN KAJIAN**

Kajian ini dilakukan berdasarkan dua persoalan kajian, iaitu:

1. Apakah tahap penggunaan strategi pembelajaran aturan sendiri kemahiran bertutur bahasa Arab dalam kalangan pelajar Melayu di Pusat Asasi UIAM?
2. Apakah tahap pengetahuan pelajar tentang strategi-strategi pembelajaran aturan sendiri kemahiran bertutur bahasa Arab?


## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif yang menggunakan instrumen soal selidik. Soal selidik dipilih bagi meninjau penggunaan strategi kemahiran bertutur bahasa Arab yang digunakan oleh 163 pelajar Melayu jurusan Bahasa Arab dan Ilmu Wahyu di Pusat Asasi UIAM. Berdasarkan tinjauan kajian lepas, 35 item strategi pembelajaran aturan sendiri telah digubal. Peringkat prauji telah dijalankan bagi mengenal pasti sebarang kelemahan dan kekurangan pada instrumen yang dibina. Peringkat pengumpulan data pula dijalankan oleh pensyarah masing-masing dalam tujuh sesi kelas yang berasingan. Proses analisis data dibuat menggunakan perisian SPSS (*Statistical Packages for the Social Sciences*) Versi 20 bagi menjawab objektif kajian. Statistik perihalan, iaitu kiraan median dan sisihan piawai digunakan untuk menganalisis penggunaan strategi pembelajaran kemahiran bertutur bahasa Arab, manakala analisa frekuensi dan peratus digunakan untuk mengenal pasti pengetahuan pelajar tentang strategi pembelajaran sendiri.

## **KERANGKAKERJA KONSEPTUAL KAJIAN**

Kajian ini dijalankan berdasarkan Teori Strategi Pembelajaran Aturan Kendiri Zimmerman (1994) dan Hipotesis Hasil Bahasa Swain (1995). Strategi Pembelajaran Aturan Kendiri yang dikemukakan oleh Zimmerman (1994) merupakan satu pendekatan yang dilakukan pelajar untuk memperoleh pengetahuan secara berdikari dan berautonomi. Strategi ini merupakan proses pelbagai dimensi yang melibatkan komponen peribadi iaitu kognitif dan emosi serta tingkahlaku dan kontekstual iaitu persekitaran.

Teori Swain (1995) pula tidak dapat dipisahkan dalam pembelajaran bahasa kedua atau asing khususnya kemahiran bertutur. Teori Hipotesis Hasil Bahasa Swain (1995) menerangkan bahawa terdapat tiga fungsi dalam meningkatkan pertuturan bahasa kedua. Pertama, mencetuskan kesedaran bahawa terdapat jurang antara bahasa pertama dengan bahasa sasaran. Kedua, menguji penggunaan bahasa sasaran mengikut sistem bahasa yang betul. Ketiga, mengawal penggunaan bahasa mengikut sistem bahasa sasaran dan menjadikannya sehati dalam diri. Maklumat tentang kerangka kerja konseptual dapat dilihat pada Rajah 1.



Rajah 1. Kerangka kerja konseptual kajian

## DAPATAN KAJIAN

### Objektif 1: Bagaimanakah Penggunaan Strategi Pembelajaran Aturan Kendiri Kemahiran Bertutur Bahasa Arab?

Sebelum menjalankan analisis, pengkaji terlebih dahulu memastikan data yang diperoleh daripada sampel memenuhi syarat andaian kenormalan. Pengkaji mendapati data yang diperoleh tidak tertabur secara normal. Maka, data ini tidak memenuhi syarat statistik parametrik. Oleh itu, pengkaji menggunakan statistik bukan parametrik, iaitu median. Bagi menentukan interpretasi skor median tahap penggunaan SPB Kemahiran Bertutur Bahasa Arab

pula, pengkaji telah merujuk kepada cara interpretasi yang dicadangkan oleh Oxford (1990) dalam *SILL*. Walau bagaimanapun, interpretasi tersebut adalah menggunakan min. Oxford (1990) telah mencadangkan interpretasi min seperti berikut:

Jadual 1. Interpretasi skor min tahap penggunaan SPB

Tinggi	Sentiasa benar tentang diri saya (sentiasa)	4.5- 5.0
	Selalunya benar tentang diri saya (kerap kali)	3.5- 4.4
Sederhana	Biasanya benar tentang diri saya (kadang-kadang)	2.5-3.4
Rendah	Biasanya tidak benar tentang diri saya (sekali-sekala)	1.5-2.4
	Tidak pernah benar tentang diri saya (tidak pernah)	1.0-1.4

Pengkaji telah mengadaptasi interpretasi skor min Oxford (1990) dan menyesuaikan mengikut kesesuaian kajian ini. Oleh itu, pengkaji mencadangkan interpretasi median seperti berikut:

Jadual 2. Interpretasi skor median tahap penggunaan SPB

Tinggi	Sentiasa benar tentang diri saya (sentiasa)	5
	Selalunya benar tentang diri saya (kerap kali)	4
Sederhana	Biasanya benar tentang diri saya (kadang-kadang)	3
Rendah	Biasanya tidak benar tentang diri saya (sekali-sekala)	2
	Tidak pernah benar tentang diri saya (tidak pernah)	1

Respon 1 (Tidak Pernah Benar Tentang Diri Saya) bermaksud responden tidak pernah menggunakan strategi tersebut. Respon 2 (Biasanya Tidak Benar Tentang Diri Saya) bermaksud responden hanya sekali-sekala menggunakan strategi tersebut. Respon 3 (Biasanya Benar Tentang Diri Saya) bermaksud responden kadang-kadang menggunakan strategi. Respon 4 (Selalunya Benar Tentang Diri Saya) bermaksud responden kerap kali menggunakan strategi. Respon 5 (Sentiasa Benar Tentang Diri Saya) bermaksud responden sentiasa menggunakan strategi tersebut.

Jadual 3. Susunan kekerapan penggunaan strategi belajar berdasarkan item strategi pembelajaran aturan sendiri

n=163

Item	Strategi	Penggunaan					Min	Mod	Med	S.P
		1	2	3	4	5				
<b>i. Penggunaan tinggi</b>										
26	Berdoa	3 (1.8%)	8 (4.9%)	31 (19.0%)	31 (19.0%)	90 (55.2%)	4.21	5.00	5	1.03
11	Baca Quran	4 (2.5%)	8 (4.9%)	38 (23.3%)	51 (31.3%)	62 (38.0%)	3.98	4.00	5	1.02
29	Siapkan diri	3 (1.8%)	10 (6.1%)	50 (30.7%)	43 (26.4%)	57 (35.0%)	3.87	4.00	5	1.03
27	Ungkapkan kata-kata peransang	6 (3.7%)	16 (9.8%)	43 (26.4%)	45 (27.6%)	53 (32.5%)	3.75	4.00	5	1.12
<b>ii. Penggunaan sederhana</b>										
25	Yakinkan diri	6 (3.7%)	14 (8.6%)	60 (36.8%)	33 (20.2%)	50 (30.7%)	3.66	4.00	3	1.11
28	Memperisiapkan diri	7 (4.3%)	28 (17.2%)	48 (29.4%)	40 (24.5%)	40 (24.5%)	3.48	3.00	3	1.16
13	Berlatih sebutan Arab	6 (3.7%)	21 (12.9%)	70 (42.9%)	40 (24.5%)	26 (16.0%)	3.36	3.00	3	1.02
24	Beranikan diri	7 (4.3%)	34 (20.9%)	52 (31.9%)	38 (23.3%)	32 (19.6%)	3.33	3.00	3	1.14
23	Tetapkan matlamat	10 (6.1%)	23 (14.1%)	62 (38.0%)	41 (25.2%)	27 (16.6%)	3.32	3.00	3	1.10
35	Bayangkan diri guna bahasa Arab	23 (14.1%)	30 (18.4%)	47 (28.8%)	20 (12.3%)	43 (26.4%)	3.18	3.00	3	1.38
15	Ulangi kembali apa yang diajar	12 (7.4%)	29 (17.8%)	65 (39.9%)	37 (22.7%)	20 (12.3%)	3.15	3.00	3	1.08
12	Gunakan nahu dan sarf yang betul	9 (5.5%)	34 (20.9%)	72 (44.2%)	31 (19.0%)	17 (10.4%)	3.08	3.00	3	1.02
34	Bayangkan diri setanding pelajar Timur Tengah	36 (22.1%)	28 (17.2%)	43 (26.4%)	19 (11.7%)	37 (22.7%)	2.96	3.00	3	1.45
14	Berlatih membina ayat	18 (11.0%)	39 (23.9%)	66 (40.5%)	22 (13.5%)	18 (11.0%)	2.90	3.00	3	1.12
8	Baca bahan bahasa Arab	31 (19.0%)	36 (22.1%)	47 (28.8%)	34 (20.9%)	15 (9.2%)	2.79	3.00	3	1.24
21	Menilai kemajuan Pertuturan	33 (20.2%)	33 (20.2%)	57 (35.0%)	29 (17.8%)	11 (6.7%)	2.71	3.00	3	1.17

3	Menterjemah di dalam minda apa yang dilihat di papan tanda	33 (20.2%)	33 (20.2%)	60 (36.8%)	24 (14.7%)	13 (8.0%)	2.70	3.00	3	1.18
4	Menterjemah didalam minda apa yang dibaca	37 (22.7%)	43 (26.4%)	53 (32.5%)	22 (13.5%)	8 (4.9%)	2.50	3.00	3	1.13
<b>iii. Tahap penggunaan rendah</b>										
33	Bayangkan diri cekap bertutur	38 (23.3%)	42 (25.8%)	30 (18.4%)	19 (11.7%)	34 (20.9%)	2.81	3.00	2	1.46
18	Cari sebanyak mungkin peluang	26 (16.0%)	55 (33.7%)	44 (27.0%)	23 (14.1%)	15 (9.2%)	2.67	3.00	2	1.18
19	Cari orang yang boleh bertutur secara aktif	36 (22.1%)	46 (28.2%)	42 (25.8%)	23 (14.1%)	16 (9.8%)	2.61	2.00	2	1.25
9	Memperbanyakkan aktiviti mendengar pertuturan bahasa Arab	36 (22.1%)	58 (35.6%)	36 (22.1%)	24 (14.7%)	9 (5.5%)	2.46	2.00	2	1.15
5	Menterjemah didalam minda, apa yang didengar seperti berita	39 (23.9%)	50 (30.7%)	45 (27.6%)	18 (11.0%)	11 (6.7%)	2.46	2.00	2	1.17
17	Merancang jadual	49 (30.1%)	51 (31.3%)	36 (22.1%)	22 (13.5%)	5 (3.1%)	2.28	2.00	2	1.13
10	Membaca buku strategi belajar bahasa	46 (28.2%)	54 (33.1%)	41 (25.2%)	17 (10.4%)	5 (3.1%)	2.25	2.00	2	1.08
32	Membayangkan diri berkomunikasi di negara Arab	53 (32.5%)	41 (25.2%)	27 (16.6%)	19 (11.7%)	23 (14.1%)	2.50	2.00	1	1.41
6	Bertutur bahasa Arab di hadapan cermin	49 (30.1%)	47 (28.8%)	36 (22.1%)	22 (13.5%)	9 (5.5%)	2.36	2.00	1	1.20
22	Beri ganjaran pada diri sendiri	59 (36.2%)	41 (25.2%)	29 (17.8%)	20 (12.3%)	14 (8.6%)	2.32	2.00	1	1.31

31	Mempelajari budaya orang Arab	56 (34.4%)	45 (27.6%)	31 (19.0%)	16 (9.8%)	15 (9.2%)	2.32	2.00	1	1.29
1	Berfikir dalam bahasa Arab	52 (31.9%)	46 (28.2%)	37 (22.7%)	17 (10.4%)	11 (6.7%)	2.32	2.00	1	1.22
30	Meng-aplikasikan pertuturan bahasa Arab di kedai-kedai dan restoran Arab	63 (38.7%)	52 (31.9%)	19 (11.7%)	15 (9.2%)	14 (8.6%)	2.17	2.00	1	1.28
16	Mengikuti kursus-kursus komunikasi bahasa Arab	65 (39.9%)	41 (25.2%)	33 (20.2%)	16 (9.8%)	8 (4.9%)	2.15	2.00	1	1.19
2	Bermonolog melalui penulisan diari dalam bahasa Arab	61 (37.4%)	54 (33.1%)	24 (14.7%)	14 (8.6%)	10 (6.1%)	2.13	2.00	1	1.19
7	Merekodkan pertuturan sendiri dalam bahasa Arab	86 (52.8%)	40 (24.5%)	19 (11.7%)	13 (8.0%)	5 (3.1%)	1.84	1.00	1	1.11
20	Tinggal bersama rakan berbangsa Arab di asrama	117 (71.8%)	22 (13.5%)	11 (6.7%)	10 (6.1%)	3 (1.8%)	1.53	1.00	1	0.99

**Objektif 2: Sejauhmanakah pelajar Melayu jurusan Bahasa Arab (BAR) dan Ilmu Wahyu (IRK) di Pusat Asasi UIAM mengenali strategi-strategi pembelajaran aturan sendiri kemahiran bertutur bahasa Arab?**

Jadual 4. Pengetahuan pelajar tentang strategi pembelajaran kemahiran bertutur bahasa Arab  
N=163

Bil	Persoalan	Tidak f (%)	Ya f (%)
1	Adakah mengenali tentang strategi berfikir di dalam bahasa Arab?	77 (47.2%)	86 (52.8%)
2	Adakah mengenali tentang strategi bermonolog kepada diri sendiri melalui penulisan diari di dalam bahasa Arab?	83 (50.9%)	80 (49.1%)



3	Adakah mengenali tentang strategi menterjemah di dalam minda, apa yang saya lihat seperti papan tanda dan papan-papan iklan ke dalam bahasa Arab?	51 (31.3%)	112 (68.7%)
4	Adakah mengenali tentang strategi menterjemah di dalam minda, apa yang saya baca seperti surat khabar dan majalah ke dalam bahasa Arab?	56 (34.4%)	107 (65.6%)
5	Adakah mengenali tentang strategi menterjemah di dalam minda, apa yang saya dengar seperti berita ke dalam bahasa Arab?	63 (38.7%)	100 (61.3%)
6	Adakah mengenali tentang strategi mempraktikkan pertuturan bahasa Arab di hadapan cermin dengan meniru cara pertuturan orang Arab?	72 (44.2%)	91 (55.8%)
7	Adakah mengenali tentang strategi merekodkan pertuturan sendiri di dalam bahasa Arab dan meminta pensyarah atau rakan berbangsa Arab memperbetulkannya?	99 (60.7%)	64 (39.3%)
8	Adakah mengenali tentang strategi membaca bahan-bahan bahasa Arab untuk memperbanyak kosakata yang boleh membantu saya ketika bertutur bahasa Arab (contoh: surat khabar bahasa Arab, buku perbualan bahasa Arab, majalah berbahasa Arab)?	41 (25.2%)	122 (74.8%)
9	Adakah mengenali tentang strategi memperbanyak aktiviti mendengar pertuturan orang Arab secara intensif?	54 (33.1%)	109 (66.9%)
10	Adakah mengenali tentang strategi membaca buku yang berkaitan dengan strategi belajar bahasa asing?	73 (44.8%)	90 (55.2%)
11	Adakah mengenali tentang strategi membaca al-Quran setiap hari untuk memperbetul dan melancarkan sebutan saya?	12 (7.4%)	151 (92.6%)
12	Adakah mengenali tentang strategi menggunakan kaedah nahu dan sarf yang betul dalam pertuturan bahasa Arab?	28 (17.2%)	135 (82.8%)
13	Adakah mengenali tentang strategi berlatih sebutan bahasa Arab yang betul?	14 (8.6%)	149 (91.4%)
14	Adakah mengenali tentang strategi berlatih membina ayat dengan perkataan yang baru dipelajari berulang kali?	35 (21.5%)	128 (78.5%)

15	Adakah mengenali tentang strategi mengulangi kembali apa yang diajar oleh pensyarah dengan cara menerangkan kembali kepada diri sendiri?	32 (19.6%)	131 (80.4%)
16	Adakah mengenali tentang strategi mengikuti kursus-kursus komunikasi bahasa Arab yang dianjurkan oleh pihak luar?	64 (39.3%)	99 (60.7%)
17	Adakah mengenali tentang strategi merancang jadual dan memperuntukkan masa yang cukup untuk mempraktikkan pertuturan bahasa Arab?	71 (43.6%)	92 (56.4%)
18	Adakah mengenali tentang strategi mencari sebanyak mungkin peluang untuk menggunakan bahasa Arab di dalam pelbagai aspek kehidupan?	61 (37.4%)	102 (62.6%)
19	Adakah mengenali tentang strategi mencari orang yang boleh bertutur dalam bahasa Arab dengan saya secara aktif?	54 (33.1%)	109 (66.9%)
20	Adakah mengenali tentang strategi tinggal bersama rakan berbangsa Arab di asrama?	98 (60.1%)	65 (39.9%)
21	Adakah mengenali tentang strategi menilai kemajuan pertuturan bahasa Arab saya?	46 (28.2%)	117 (71.8%)
22	Adakah mengenali tentang strategi memberi ganjaran kepada diri sendiri sekiranya diri saya menunjukkan kemajuan dalam pertuturan bahasa Arab?	75 (46.0%)	88 (54.0%)
23	Adakah mengenali tentang strategi menetapkan matlamat yang jelas dan minat yang mendalam untuk memperbaiki kemahiran bertutur bahasa Arab?	37 (22.7%)	126 (77.3%)
24	Adakah mengenali tentang strategi memberanikan diri untuk bertutur di dalam bahasa Arab meskipun saya takut melakukan kesilapan?	26 (16.0%)	137 (84.0%)
25	Adakah mengenali tentang strategi meyakinkan diri bahawa saya mampu bertutur bahasa Arab?	20 (12.3%)	143 (87.7%)
26	Adakah mengenali tentang strategi berdoa agar Allah mempermudah saya bertutur bahasa Arab?	11 (6.7%)	152 (93.3%)
27	Adakah mengenali tentang strategi mengungkapkan kata-kata peransang yang menaikkan semangat saya untuk terus mempertingkatkan pertuturan bahasa Arab?	25 (15.3%)	138 (84.7%)

28	Adakah mengenali tentang strategi mempersiapkan diri untuk sebarang risiko atau kesukaran yang dihadapi ketika bertutur bahasa Arab?	44 (27.0%)	119 (73.0%)
29	Adakah mengenali tentang strategi mempersiapkan diri untuk menerima teguran daripada pensyarah dan rakan terhadap kesalahan bahasa yang dituturkan dan berusaha memperbaikinya?	30 (18.4%)	133 (81.6%)
30	Adakah mengenali tentang strategi mengaplikasikan pertuturan bahasa Arab di kedai-kedai atau restoran Arab dalam aktiviti tawar menawar dan memesan makanan?	84 (51.5%)	79 (48.5%)
31	Adakah mengenali tentang strategi mempelajari budaya orang Arab supaya saya lebih memahami cara pertuturan?	93 (57.1%)	70 (42.9%)
32	Adakah mengenali tentang strategi membayangkan diri saya berada di negara Arab dan berkomunikasi dengan orang tempatan secara berkesan?	90 (55.2%)	73 (44.8%)
33	Adakah mengenali tentang strategi membayangkan diri saya cekap bertutur bahasa Arab seolah-olah seorang penutur asal bahasa Arab?	85 (52.1%)	78 (47.9%)
34	Adakah mengenali tentang strategi membayangkan diri saya setanding dengan pelajar-pelajar yang menuntut di Timur Tengah yang mampu bertutur dengan fasih?	75 (46.0%)	88 (54.0%)
35	Adakah mengenali tentang strategi membayangkan diri saya menggunakan bahasa Arab setiap kali memikirkan kerjaya pada masa hadapan?	64 (39.3%)	99 (60.7%)

## DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

### Penggunaan Strategi Pembelajaran Aturan Kendiri Kemahiran Bertutur Bahasa Arab

Dapatan kajian menunjukkan bahawa item 26 (Saya berdoa agar Allah mempermudah saya bertutur bahasa Arab) dan item 11 (Saya membaca al-Quran setiap hari untuk memperbetul dan melancarkan sebutan saya) memperoleh median skor tertinggi 5. Selain itu, item 29 (Saya mempersiapkan diri untuk menerima sebarang teguran daripada pensyarah dan rakan terhadap kesalahan bahasa yang dituturkan dan berusaha memperbaikinya) dan item 27 (Saya mengungkapkan kata-kata peransang untuk menaikkan semangat saya untuk terus mempertingkatkan pertuturan bahasa Arab) turut memperoleh skor median yang sama.

Terdapat 10 item yang memperoleh skor median terendah. Item-item yang memperoleh skor median terendah ini terdiri daripada item 20 (Saya tinggal bersama rakan berbangsa Arab di asrama), item 7 (Saya merekodkan pertuturan sendiri dalam bahasa Arab), item 2 (Saya bermonolog melalui penulisan diari dalam bahasa Arab), item 16 (Saya mengikuti kursus-kursus

bahasa Arab di luar), item 30 (Saya mengaplikasikan pertuturan bahasa Arab di kedai dan restoran Arab), item 1 (Saya berfikir dalam bahasa Arab), item 31 (Saya mempelajari budaya orang Arab), item 22 (Saya memberi ganjaran kepada diri sendiri), item 6 (Saya bertutur bahasa Arab di hadapan cermin) dan item 32 (Saya membayangkan diri berkomunikasi di negara Arab).

Meneliti pola item strategi yang paling banyak dilaporkan penggunaannya oleh pelajar, didapati bahawa strategi yang paling popular dalam kalangan pelajar ialah strategi sendiri yang bersifat keagamaan atau metafizik. Sebagai contoh, strategi yang memperoleh median penggunaan tertinggi ialah strategi berdoa agar Allah mempermudah bertutur bahasa Arab diikuti strategi membaca al-Quran setiap hari untuk memperbetul dan melancarkan sebutan. Dapatan ini hampir menyamai dapatan Kamarul Shukri et al. (2009) yang menunjukkan Strategi Metafizik memperoleh min strategi kedua tertinggi dalam kalangan pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) Terengganu.

Pemilihan strategi sendiri bersifat metafizik sebagai strategi yang paling kerap digunakan oleh pelajar jurusan BAR dan IRK mencerminkan kepentingan strategi tersebut dalam pembelajaran bahasa Arab. Ajaran Islam yang menganjurkan doa sebagai senjata mukmin dan memohon pertolongan Allah dalam setiap tindakan. Firman Allah dalam surah Ghafir ayat 60:

ادعوني استجب لكم

(al-Ghafir 40:60)

Maksudnya:

Dan Tuhanmu berfirman: “Berdoalah kepada-Ku, nescaya-Ku perkenankan bagimu. Sesungguhnya orang-orang yang menyombongkan diri dari menyembahKu akan masuk neraka jahannam dalam keadaan hina dina.

Pengkaji merasakan bahawa sebagai pelajar jurusan agama, para pelajar amat menyedari bahawa mereka mempelajari bahasa Arab sebagai bahasa ibadah. Justeru, hubungan antara para pelajar jurusan agama dengan bahasa Arab sebagai bahasa al-Quran adalah amat rapat sekali. Tambahan pula, bahasa Arab adalah bahasa agama yang wajib dipelajari oleh setiap individu muslim. Oleh itu, kajian ini mendapati bahawa motif keagamaan yang kukuh muncul sebagai strategi yang paling digunakan oleh pelajar Bahasa Arab dan IRK di Pusat Asasi UIAM.

Item strategi sendiri yang mendapat median penggunaan terendah pula memperlihatkan strategi-strategi komunikatif secara aktif seperti tinggal dengan rakan-rakan berbangsa Arab di asrama, merekodkan pertuturan sendiri dalam bahasa Arab dan bermonolog melalui penulisan diari dalam bahasa Arab. Dengan kata lain, kajian ini mendapati pelajar tidak cuba mencabar kebolehan diri untuk bertutur bahasa Arab.

Faktor persekitaran juga memainkan peranan yang penting. Persekitaran pelajar di Pusat Asasi UIAM yang dikelilingi oleh ramai pelajar bukan natif (bukan Arab) menyebabkan pelajar merasa tidak terdesak untuk menggunakan bahasa Arab dan merasa lebih selesa untuk berkomunikasi menggunakan bahasa Melayu bersama rakan-rakan sekuliah mereka. Senario di Pusat Asasi UIAM melihatkan kurangnya pelajar-pelajar berbangsa Arab yang mengambil jurusan Sastera. Majoriti pelajar berbangsa Arab mengambil jurusan seperti Kejuruteraan, Fizik, Perubatan, Farmasi, dan Senibina. Justeru, pelajar BAR dan IRK didapati kurang bergaul dengan mereka dan tidak mengambil peluang keemasan untuk tinggal bersama pelajar-pelajar berbangsa Arab di asrama lalu menyebabkan pelajar tidak menggunakan strategi pembelajaran yang memerlukan komunikasi bahasa Arab secara berterusan. Hal ini dapat dilihat dalam dapatan kajian ini yang menunjukkan item 20 (Tinggal bersama rakan berbangsa Arab di

asrama) dan item 11 (Duduk bersebelahan penutur asal (rakan berbangsa Arab) memperoleh median penggunaan terendah (median= 1).

Sistem pembelajaran sekarang yang berorientasikan peperiksaan turut menyumbang kepada dapatan ini. Dapatan ini secara umumnya menyokong dapatan Oxford dan Nyikos (1989) mengenai bentuk strategi yang selalu dan jarang digunakan pelajar. Mereka berpendapat bahawa pendekatan akademik yang berorientasikan pengajaran dan peperiksaan telah membataskan usaha pelajar untuk mencuba strategi baru yang lebih kreatif serta melibatkan latihan penggunaan bahasa di luar kelas. Pengajaran bahasa Arab yang lebih menekankan tatabahasa, aspek metalinguistik dan analisis bahasa (Abdul Rahim 1994) juga mungkin merupakan penyebab para pelajar kurang menggunakan strategi yang bersifat komunikatif.

Selain itu, tiadanya pengetahuan tentang strategi sendiri, kurangnya kesedaran dan motivasi dalaman juga merupakan faktor yang mempengaruhi penggunaan strategi pembelajaran kemahiran bertutur bahasa Arab. Sueraya et al. (2010) dalam kajiannya mendapati antara faktor yang mempengaruhi kelemahan bertutur bahasa Arab ialah kurangnya kesedaran tentang strategi pembelajaran bahasa (SPB) kemahiran bertutur bahasa Arab. Nurazan (2003) dalam kajiannya di kalangan pelajar Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA) turut mendapati majoriti pelajar tidak mengetahui strategi-strategi pembelajaran bahasa yang dinyatakan lalu menyebabkan tahap penggunaan SPB bahasa Arab adalah berada di tahap sederhana. Oleh sebab itu, pengetahuan pelajar tentang SPB Kemahiran Bertutur merupakan perkara penting bagi membantu pelajar mencapai kejayaan dalam pembelajaran mereka.

### **Pengetahuan pelajar Melayu jurusan Bahasa Arab (BAR) dan Ilmu Wahyu (IRK) di Pusat Asasi UIAM tentang strategi-strategi pembelajaran aturan sendiri kemahiran bertutur bahasa Arab**

Daripada 35 item strategi pembelajaran perseorangan, terdapat tujuh strategi yang tidak dikenali oleh 50.9%- 60.7% pelajar. Kesemua strategi tersebut ialah item 7, 20, 31, 32, 33, 30, dan 2. Item 7 (Strategi merekodkan pertuturan sendiri di dalam bahasa Arab) memperoleh 60.7% yang mewakili 99 orang, item 20 (Strategi tinggal bersama penutur natif (rakan berbangsa Arab) di asrama) memperoleh 60.1% yang mewakili 98 orang, item 31 (Strategi mempelajari budaya orang Arab supaya saya lebih memahami cara pertuturan mereka) memperoleh 57.1% yang mewakili 93 orang.

Diikuti item 32 (Strategi membayangkan diri berada di negara Arab dan berkomunikasi dengan orang tempatan dengan berkesan) mendapat 55.2% yang mewakili 90 orang, item 33 (Strategi membayangkan diri cekap bertutur bahasa Arab seolah-olah saya seorang penutur asal bahasa Arab) memperoleh 52.1% yang mewakili 85 orang responden, item 30 (Strategi mengaplikasikan pertuturan bahasa Arab di kedai-kedai dan restoran Arab dalam aktiviti tawar-menawar dan memesan makanan) memperoleh 51.5% yang mewakili 84 orang dan item 2 (Strategi bermonolog kepada diri sendiri melalui penulisan diari dalam bahasa Arab) memperoleh 50.9% yang mewakili 83 orang pelajar.

Bagi 28 strategi pembelajaran aturan sendiri yang lain, strategi-strategi tersebut merupakan strategi yang dikenali lebih daripada 50% responden. Dapatan kajian menunjukkan bahawa 152 orang responden (92.6%) paling mengetahui item 26 (Strategi berdoa agar dipermudahkan bertutur bahasa Arab). Selain itu, strategi yang dikenali kebanyakan pelajar juga ialah item 11 (Strategi membaca al-Quran setiap hari untuk memperbetul dan melancarkan sebutan) yang mendapat 92.6% (151 orang). Diikuti oleh item 13 (Strategi berlatih sebutan bahasa Arab yang betul secara intensif) yang memperoleh 91.4% (149 orang).

Dapatan kajian juga mendapati, terdapat enam lagi item strategi yang memperoleh peratusan pengetahuan yang tinggi (80-90%) dalam kalangan responden, iaitu item 25 (Strategi meyakinkan diri bahawa diri sendiri mampu bertutur bahasa Arab) yang memperoleh 87.7% iaitu mewakili 143 orang responden, item 27 (Strategi mengungkapkan kata-kata peransang yang menaikkan semangat untuk terus mempertingkatkan pertuturan bahasa Arab) yang mendapat 84.7% iaitu mewakili 138 orang responden, item 24 (Strategi memberanikan diri bertutur bahasa Arab meskipun takut melakukan kesilapan) yang memperoleh 84.0% yang mewakili 137 orang responden, diikuti item item 12 (Strategi menggunakan kaedah nahu dan sarf yang betul dalam pertuturan bahasa Arab) yang memperoleh 82.8%, iaitu mewakili 135 orang responden, item 29 (Strategi mempersiapkan diri untuk menerima teguran daripada pensyarah dan rakan terhadap kesalahan bahasa dan berusaha memperbaikinya) yang mendapat 81.6% iaitu mewakili 133 orang responden dan akhirnya item 15 (Strategi mengulangi kembali apa yang diajar oleh pensyarah dengan cara menerangkan kembali kepada diri sendiri) yang memperoleh 80.4% bersamaan 131 orang responden.

Tujuh strategi sendiri yang tidak dikenali pelajar memperlihatkan kumpulan strategi-strategi yang terdapat pada item 7, 20, 31, 32, 33, 30, dan 2. Pengkaji merasakan ini mungkin disebabkan oleh para pelajar tidak mempunyai kesedaran dan kurang mendapat pendedahan tentang strategi pembelajaran bahasa Arab, khususnya strategi pembelajaran aturan sendiri yang menjadikan pelajar berautonomi dalam pembelajaran. Sueraya et al. (2010) dalam kajiannya mendapati antara faktor yang mempengaruhi kelemahan bertutur bahasa Arab ialah kurangnya kesedaran tentang strategi pembelajaran bahasa (SPB) kemahiran bertutur bahasa Arab. Nurazan (2003) dalam kajiannya dalam kalangan pelajar Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA) turut mendapati majoriti pelajar tidak mengetahui strategi-strategi pembelajaran bahasa yang dinyatakan lalu menyebabkan tahap penggunaan SPB bahasa Arab adalah berada di tahap sederhana. Oleh sebab itu, pengetahuan pelajar tentang SPB kemahiran bertutur merupakan perkara penting bagi membantu pelajar mencapai kejayaan dalam pembelajaran mereka.

Selain itu, pelajar juga mungkin kurang motivasi dalaman yang boleh melonjakkan semangat mereka untuk melakukan apa juga teknik sendiri yang boleh meningkatkan kemahiran bertutur mereka secara berdikari. Hal ini kerana motivasi atau kesedaran yang tinggi boleh mempengaruhi tingkah laku seseorang pelajar terhadap pembelajaran bahasa. Nurazan (2004) mendapati aspek motivasi menentukan kekerapan penggunaan strategi pembelajaran bahasa Arab. Dapatan kajian tersebut menunjukkan bahawa pelajar yang lebih tinggi motivasinya, telah menggunakan strategi pembelajaran yang lebih banyak. Pelajar yang bermotivasi tinggi akan berusaha melakukan apa juga teknik dan strategi, khususnya pendekatan sendiri sama ada di dalam kelas ataupun di luar kelas. Lebih-lebih lagi, pelajar di Pusat Asasi UIAM merupakan pelajar dewasa yang boleh mentadbir diri sendiri dan pandai menyesuaikan teknik-teknik terbaik supaya pembelajaran menjadi lebih mudah, menyenangkan dan efektif.

Dapatan kajian juga mendapati, bagi pengetahuan pelajar tentang strategi pembelajaran aturan sendiri, strategi yang paling dikenali ialah strategi berdoa kepada Allah yang juga dinamakan strategi metafizik (keagamaan). Strategi ini diikuti oleh strategi membaca al-Quran untuk memperbaiki sebutan bahasa Arab. Pengkaji berpendapat, pengetahuan dan penggunaan strategi metafizik dalam kalangan pelajar jurusan BAR dan IRK di Pusat Asasi UIAM memang tidak dapat dipisahkan. Memandangkan pelajar-pelajar ini merupakan pelajar jurusan agama, maka kehidupan mereka adalah selari dengan nilai-nilai kerohanian dan ibadat kepada Allah SWT. Menurut Kamarul Shukri dan Mohamed Amin (2010), para pelajar yang mempelajari bahasa Arab mempraktikkan perlakuan strategi pembelajaran bahasa yang berorientasikan keagamaan. Ini dibuktikan oleh kajian Kamarul Shukri (2009) yang menunjukkan strategi pembelajaran yang bersifat keagamaan dan ibadah telah dipraktikkan oleh kesemua pelajar bahasa Arab di sekolah menengah agama di negeri Terengganu. Maka

tidak hairanlah jika dapatan kajian ini menunjukkan pengetahuan pelajar yang tinggi terhadap strategi keagamaan seperti berdoa dan membaca al-Quran setiap hari untuk melancarkan sebutan bahasa Arab.

## **PENUTUP**

Pengkaji berharap agar kajian ini akan memberikan manfaat kepada pelajar dan juga pengajar. Dalam bidang pembelajaran bahasa Arab, pelajar yang didedahkan dengan pelbagai strategi ternyata mampu meningkatkan kebolehan bahasa. Pengetahuan tentang strategi-strategi pembelajaran sendiri kemahiran bertutur bahasa Arab mampu menarik minat pelajar untuk mengaplikasikannya dalam pembelajaran. Selain itu, penggunaan strategi yang tepat dan bersesuaian akan melahirkan pelajar bahasa yang bijak dalam mengendalikan pembelajaran bahasa. Apa yang penting, penggunaan strategi dalam pembelajaran kemahiran bertutur menjadikan pembelajaran bahasa Arab lebih mudah dan menyeronokkan sekali gus menolak tanggapan bahawa bahasa Arab sukar dipelajari. Strategi pembelajaran sendiri hendaklah didedahkan kepada para pelajar agar pelajar lebih berautonomi, tidak bergantung dan mengharapkan segala maklumat daripada guru semata-mata. Diharapkan kajian ini memberi sumbangan terhadap aspek pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di Malaysia.

## **RUJUKAN**

*Al-Qur'an.*

- Ab. Halim Mohamad. 2007. Masalah komunikasi bahasa Arab dalam kalangan pelajar Bachelor Bahasa Arab di IPTA Malaysia. *Prosiding Seminar Penyelidikan dalam Pengajian Islam Ke-4*, hlm. 1-13.
- Ab. Halim Mohamad. 2009. Tahap komunikasi dalam bahasa Arab dalam kalangan pelajar Sarjana Muda Bahasa Arab di IPTA Malaysia. *Journal of Islamic and Arabic Education* 1(1): 1-14.
- Abdul Rahim Ismail. 1994. Pengajaran bahasa Arab sebagai bahasa kedua: permasalahan dan penyelesaian. Dlm. Muhammad Bukhari Lubis (pngr.). *Persuratan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Anida Abd. Rahim. 2003. Strategi pembelajaran Bahasa Arab dalam kalangan pelajar Melayu. Tesis Sarjana, Universiti Malaya.
- al-Alwan, A.F. 2008. Self-regulated learning in high and low achieving students at al-Hussein bin Talal University (AHU) in Jordan. *International Journal of Applied Educational Studies*. 1 (1): 1-13.
- Bail, F. T., Zhang, S., & Tachiyama, G. T. 2008. Effects of a self-regulated learning course on the academic performance and graduation rate of college students in an academic support program. *Journal of College Reading and Learning*. 39 (1): 54-72.
- Brophy, J. 1998. *Motivating students to learn*. New York: McGraw-Hill.
- Duncan, T.G., & McKeachie, W.J. 2005. The making of the motivated strategies for learning questionnaire. *Educational Psychologist*. 40(2), 117-128.

- Ghazali Yusri & Nik Mohd. Rahimi. 2010. Self-regulated learning strategies among students of Arabic language course and intensive Arabic course in MARA University of Technology Malaysia (UiTM). *International Journal of Applied Educational Studies*. 8(1): 57-67.
- Ghazali Yusri, Nik Mohd.Rahimi & Parilah, M.Shah. 2010. Sikap pelajar terhadap pembelajaran kemahiran lisan bahasa Arab di Universiti Teknologi Mara (UiTM). *Gema Online Journal of Language Studies*. 10(3), 15-33.
- Ghazali Yusri, Nik Mohd. Rahimi & Parilah M.Shah. 2010. Kebimbangan ujian dan motivasi dalam kalangan pelajar kursus bahasa Arab dalam konteks kemahiran lisan. *Asean Journal of Teaching and Learning in Higher Education* 2(2), 50-63.
- Ghazali Yusri, Nik Mohd. Rahimi, Parilah M. Shah, Wan Haslina Wah & Ahmed Thalal Hassan. 2012. Penggunaan strategi belajar bersama rakan dalam kalangan pelajar kursus bahasa Arab di Universiti Teknologi Mara (UiTM). *Asia Pacific Journal of Educators and Education* 37: 37-50.
- Kamarul Shukri Mat Teh. 2009. Penggunaan strategi pembelajaran bahasa Arab dalam kalangan pelajar sekolah menengah agama. Tesis Dr. Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kamarul Shukri Mat & Mohamed Amin Embi. 2010. *Strategi Pembelajaran Bahasa*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Kaseh Abu Bakar & Zainuddin Ismail. 2009. Al-Nizam al-zati lidafii'yyati taallum al-lughah al-thaniah wa mutaallimu al-lughah al-arabiyyah fi Maliziya. *Proceedings of the Malaysia Conference on Arabic Studies and Islamic Civilization (MACASIC)*, 1131-1136.
- Naimah,A. & Aini, A. 2005. Kajian tentang persepsi pelajar UiTM terhadap kepentingan bahasa ketiga di UiTM. Unpublished manuscript, Shah Alam.
- Nurazan Mohmad Rouyan. 2004. Strategi pembelajaran bahasa dalam pembelajaran bahasa Arab: Kajian di KUSZA. Disertasi Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Oxford, R.L. & Nyikos, M. 1989. Variables affecting choice of language learning strategies by university students. *Modern Language Journal* 73(3): 291-300.
- Oxford, R.L. 1990. *Language learning strategies: what every teacher should know*. New York: Newbury House Publishers.
- Pintrinch, P.R., & Schunk, D.H. 1996. *Motivation in education: Theory, research and applications*. Englewood Cliffs: Prentice-Hall Inc.
- Siti Ikkal Sheikh Salleh. 2006. Masalah penguasaan pertuturan bahasa Arab dalam kalangan pelajar Sekolah Menengah Agama di Selangor. Dlm. Mohd. Rosdi Ismail & Mat Taib Pa. Pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab di Malaysia. Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Malaya.
- Sueraya Che Haron, Ismail Sheikh Ahmad, Arifin Mamat & Ismaiel Hassanein Ahmed Mohamed. 2010. Understanding Arabic-speaking skill learning strategies among



- selected Malay learners: A case-study at the International Islamic University Malaysia (IIUM). *ProQuest Education Journals*,(3): 8-9.
- Swain, M. 1995. Three functions of output in second language learning. Dlm. Cook, G. And Seidlhofer, B. (Eds.). *Principle and practice in applied linguistics*, Oxford: Oxford University Press. 125-144.
- Testing and Measurement Unit (TEMU). 2011. *Result Analysis on Arabic Placement Test (APT) Session 2011/2012*. Petaling Jaya: Centre for Foundation Studies (CFS), IIUM.
- Zimmerman, B.J. 1989. Models of self-regulated learning and academic achievement. Dlm. B.J. Zimmerman & D.H Schunk (pnyt). *Self-regulated learning and academic achievement: theory, research and practice*, New York: Springer-Verlag. 1-25.
- Zimmerman, B.J. 1994. Dimensions of academic self-regulation: a conceptual framework for education. Dlm. Schunk, D.H & B.J. Zimmerman (pnyt). *Self regulation of learning and performance: issues and educational application*, Hillsdale, New Jersey: Lawrence Erlbaum. 177-193.
- Zimmerman, B.J., & Martinez-Pons, M. 2004. Pursuing academic self-regulation: A 20-year methodological quest. Dlm. Jessie Ee, Agnes Chang & Oon seng Tan (pnyt), *Thinking about thinking*, Singapore: McGraw Hill Education. 3-30.